

02/06/2003

Hapus segera VCD haram (HL)

Veena Rusli

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan polis dan penguat kuasa undang-undang bertindak lebih pantas dan bijak dalam melaksanakan usaha kerajaan menghapuskan pengedaran cakera padat video (VCD) haram.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, pergerakan mereka yang mendalangi penjualan VCD juga perlu dipantau secara berterusan berikutan pelbagai helah yang digunakan golongan itu untuk mengelak dikesan dan dikenakan tindakan.

"Kita harus sentiasa bersedia dalam menghadapi taktik dan tipu helah yang dilakukan kumpulan ini (dalang VCD haram)... polis dan penguat kuasa undang-undang mesti lebih pantas dalam menjangka langkah yang mungkin diambil.

"Ini kerana dengan pelbagai kemudahan teknologi dan rangkaian perhubungan serta pasaran yang luas, pengedar VCD haram mempunyai banyak sumber untuk menjalankan kegiatan mereka," katanya pada sidang media selepas melancarkan pelepasan 35 peserta berbasikal Riding for Life 200' anjuran Majlis Aids Malaysia (MAM) di Taman Tasik Titiwangsa di sini, semalam.

Hadir sama Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng dan Presiden MAM merangkap Pengerusi Yayasan Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir.

Sebelum ini, Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, mengarahkan semua Ibu Pejabat Polis Kontinjen negeri membanteras aktiviti penjualan VCD cetak rompak dan lucah dalam tempoh dua minggu bermula 26 Mei lalu.

Arahan itu dikeluarkan kepada semua Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahu

aktiviti tidak bermoral itu dihentikan segera.

Malah, Dr Mahathir dilaporkan berkata, kerajaan akan menyeragamkan penguatkuasaan bagi meningkatkan keberkesanan membendung kegiatan negatif seperti pengedaran VCD lucah dan judi.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, tempoh dua minggu itu perlu digunakan sepenuhnya oleh polis dan agensi yang diberi tanggungjawab menghapuskan VCD haram untuk bekerja keras bagi menumpaskan semua sindiket yang terbabit dalam pengedaran bahan itu.

"Selepas tempoh itu (dua minggu), mungkin ada masalah lain timbul dan perlu dihadapi oleh pihak penguatkuasaan.

"Bagaimanapun, kita harap jawatankuasa yang dibentuk khusus bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang berkaitan masalah ini akan dapat menilai setakat mana kejayaan yang dicapai," katanya.

Ditanya sama ada beliau sudah menerima laporan berhubung perkembangan operasi itu daripada Norian, Abdullah berkata: "Belum lagi... saya baru balik semalam (kelmarin) daripada bercuti."

Beliau sebelum ini bercuti di luar negara selama seminggu.

Dalam perkembangan lain, Abdullah menyatakan rasa puas hatinya dengan

pembabitan sektor swasta yang semakin peka dalam menghulurkan sumbangan terhadap program berbentuk kemasyarakatan anjuran badan bukan kerajaan (NGO).

Antara faktor yang mendorong sikap positif itu, katanya, ialah kesungguhan dari segi penganjuran program dan cara sumbangan yang diterima dibelanjakan.

"MAM memiliki ciri-ciri ini dan dengan sendirinya menarik pihak swasta untuk lebih cenderung membantu berbanding di peringkat awalnya... kita harap perkara ini akan berterusan," katanya.